

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 19 MAC 2024  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 6

### Penduduk di 4,752 lokaliti berisiko tercicir bantuan

**Putrajaya:** Penduduk di 4,752 lokaliti berisiko tercicir dalam mendapatkan bantuan kerajaan, termasuk pelaksanaan program subsidi bersasar RON95, kata Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli.

Ia kerana lokaliti berkenaan didapati tidak mempunyai rekod bantuan kerajaan sebelum ini termasuk dalam Pangkalan Data Utama (PADU).

Beliau berkata, daripada jumlah itu, Selangor dan Kuala Lumpur mempunyai jumlah kawasan berpenduduk yang tertinggi sebanyak 2,274 lokaliti tidak mempunyai rekod dalam sebarang bantuan kerajaan sebelum ini termasuk data PADU.

Katanya, semua lokaliti itu dikenal pasti di seluruh Malaysia, yang mana penduduk kawasan berkenaan tidak mempunyai sebarang pendaftaran di bawah PADU atau apa-apapun program bantuan kerajaan yang disediakan sebelum ini.

Katanya, penduduk di kawasan itu, walaupun dikenal pasti daripada golongan B40 dan B60, didapati tidak mempunyai data dalam apa-apapun pangkalan data bantuan kerajaan sebelum ini.

"Ini menunjukkan mereka sebelum ini tidak berdaftar dan



mendapatkan bantuan kerajaan seperti Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan sebagainya.

"Penduduk di lokaliti itu berisiko tercicir daripada menerima ataupun dilibarkan dalam apa-apapun program atau bantuan kerajaan yang akan datang."

"Perlu diingat rakyat hanya mempunyai tempoh masa selama dua minggu sahaja lagi untuk kemas kini PADU dan mengelakkkan berlaku kecinciran,"

kataanya ketika sidang media PADU di sini, semalam.

Lokaliti merujuk kepada nama yang diberi kepada sesuatu tempat yang menjadi tempat tinggal sekumpulan orang tempatan yang mempunyai talian sosial yang jelas seperti kampung atau taman perumahan.

Dalam konteks pelaksanaan PADU, pengemaskinian oleh rakyat atau rekod pendakir individu divisualisasi sehingga

di peringkat lokaliti seperti Projek Perumahan Rakyat (PPR), Perumahan Awam, Kondominium, Pangsapuri, Rumah Kos Rendah, Kuarters, Rumah Kedai, Rumah Air/Panjang dan Rumah Sebuah.

Rafizi berkata, bermula 31 Mac ini, data yang sedia ada dan dikemas kini dalam PADU akan digunakan sebagai panduan untuk merangka dasar serta akan digunakan untuk menentukan kelayakan individu untuk pro-

gram kerajaan, bantuan dan subsidi.

Beliau berkata, jika rakyat masih tidak mendaftar dan mengemaskini data di dalam PADU, kerajaan akan menggunakan data yang didapati daripada jabatan serta agensi kerajaan se dia ada.

Namun katanya data sedia ada itu mempunyai risiko sama ia tidak tepat atau tidak terkini sekali gus memberikan kesan kepada rakyat dalam mendapatkan bantuan kerajaan.

Mengulas lanjut, Rafizi berkata, tumpuan kementerian dan juga pasukan PADU dalam tempoh dua minggu terakhir ini adalah untuk mempertingkatkan pendaftaran individu dan isi rumah, terutamanya meliputi kawasan yang dikenal pasti berisiko terbesar pengecualian.

Beliau berkata, satu sesi 'townhall' akan diadakan pada 23 Mac ini di Pusat Konvensyen MBSA bertujuan untuk memberi penerangan mengenai manfaat PADU serta mendapatkan kerjasama pihak berkaitan untuk membantu meningkatkan pendaftaran dalam kalangan rakyat, terutamanya di kawasan Selangor dan Kuala Lumpur sebelum 31 Mac 2024.